

RIAK BAHASA, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam. Dikelolakan oleh Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. Diterbitkan dua keluaran setiap tahun mulai Januari–Jun dan Julai–Disember. Mengandungi berita kebahasaan untuk dikongsikan kepada semua pembaca.

رياق بهاس

Riak Bahasa

جمادي الثاني 1429 — محرم 1430

Julai–Disember 2008 Bil. 7

KANDUNGAN

Pengarah Dr. Mataim Bakar	
Timbalan Pengarah Aminah Haji Momin	
Ketua Editor Datin Hajah Kamisah Haji Rahmat	
Penyelaras Editor Mauludiah Haji Md. Yusof	
Penolong Penyelaras Editor Nornazrahwati Haji Abd. Rahman	
Editor Suraini Suhaimi Hajah Zainab Haji Mat Daud Khartini Mohd. Hamir	
Ketua Bahagian Penerbitan dan Pemasaran Haji Zainal Arifin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Sirat	
Ketua Bahagian Seni Lukis dan Reka Bentuk dan Seni Foto Abdul Malek Haji Metarsat	
Penyelaras Reka Bentuk Sait Haji Jali	
Penyelaras Atur Huruf Hajah Siti Aminah Haji Md. Tahir Hajah Ramlah Haji Abd. Rahman Hajah Norfulziah Haji Ismail	
Wacana Penyelaras Editor	iii
Perlambangan Vokal dalam Tulisan Jawi	1
Sebutan Kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu	5
Kesalahan Umum Penggunaan Kata Jamak	8
Antara Malu, Galat, Awar, dan Sipu-Sipu	12
Penyingkatan Kata	14
Heteronim dan Homogram	16
Pegaga	18
Lancip dan Tirus	20
Cenderamata atau Cenderahati	24
Kampung Air	27
Mari Belajar Bahasa Arab	29
Padanan Istilah Bahasa Melayu Brunei	32

*Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam*

© Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2008

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

*Atur Huruf oleh
Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam*

*Dicetak oleh
Syarikat Percetakan dan Perniagaan Prosessta, Negara Brunei Darussalam*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Wacana Penyelaras Editor

SIKAP INGIN melepak telah menjadi satu trend di kalangan remaja terutama remaja yang tidak mempunyai pekerjaan. Pada masa ini aktiviti ini bukan sahaja dilakukan oleh remaja lelaki, tetapi trend ini juga menjadi kegemaran remaja perempuan.

Para ibu bapa mesti sentiasa mengambil perhatian yang serius terhadap anak-anak mereka yang mula berjinak-jinak dengan budaya tersebut. Sebagai langkah awal yang boleh dilakukan oleh ibu bapa ialah mengawasi perlakuan tersebut dengan mengetahui sebarang kegiatan yang dilakukan oleh anak-anak remaja mereka.

Sikap ingin melepak harus dihindari dengan menukar kepada amalan yang baik dengan berpandukan kepada ajaran agama yang betul. Identiti kebruneian orang-orang Melayu yang kaya dengan budaya bersopan santun seharusnya dijadikan contoh kepada generasi muda.

Dalam era globalisasi ini, generasi muda harus memiliki nilai murni, jauhi pengaruh-pengaruh yang sentiasa cuba merosakkan kehidupan. Sebagai remaja, mereka haruslah mengalihkan pemikiran ke arah yang lebih positif. Misalnya daripada menjadi 'kutu jalan', lebih baik menjadi 'kutu buku', dan daripada mereka melepak di jalan, lebih baik melepak di kedai-kedai buku atau di perpustakaan. Perpustakaan ialah tempat yang cukup selesa bukan sahaja untuk bersantai, tetapi juga untuk memperoleh ilmu pengetahuan.

Bahasa Jiwa Bangsa

Penyelaras Editor
Mauludiah Haji Md. Yusof

Perlambangan Vokal dalam Tulisan Jawi

Haji Alipudin Haji Omarkandi

DALAM *RIAK Bahasa* keluaran lepas, perlambangan vokal /a/ dan /i/ dijelaskan. Dalam keluaran ini, perlambangan vokal /e/ taling dan /e/ pepet, dan vokal /o/ dan /u/ pula dijelaskan, seperti yang berikut:

1. vokal /e/ taling

- a. Dilambangkan oleh huruf *alif-ya* <اي> jika hadir pada awal perkataan.

Contohnya:

elok	–	ايلوق
enak	–	اينق
ekologi	–	ايكولوگي
elektrik	–	ايليكتريك

- b. Dilambangkan oleh huruf *ya* <ي> jika hadir pada suku kata terbuka atau suku kata tertutup.

Contohnya:

tauge	–	تاوگي
tele	–	تيلي
leceh	–	ليجه
sendeng	–	سينديغ
reptilia	–	ريقتيليا

2. Vokal /e/ pepet

- a. Dilambangkan oleh huruf *alif* < ا > jika hadir pada awal perkataan.

Contohnya:

emak	-	امق
emas	-	امس
erat	-	ارت
esa	-	اسا

- b. Tidak dilambangkan oleh huruf alif < ا > jika hadir pada suku kata terbuka (bukan pada suku kata akhir) atau suku kata tertutup.

Contohnya:

beli	-	بلي
tempat	-	تمقت
pepet	-	فقت
tendang	-	تندغ
tetapi	-	تتافي

- c. Dilambangkan oleh huruf *ye* (*ya* tanpa titik) < ي > yang hadir pada suku kata akhir terbuka.

Contohnya:

mekanisme	-	ميكانيسمي
amilase	-	اميلاسي
nasionalisme	-	ناسيوناليسمي
metode	-	ميتودي

3. Vokal /o/

- a. Dilambang oleh huruf *alif-wau* . او . jika hadir pada awal perkataan.

Contohnya:

ombak	-	اومبق
Ogos	-	او كوس
orang	-	اورغ
oleh	-	اوليه

- b. Dilambangkan oleh huruf *wau* < و > jika hadir pada suku kata terbuka atau suku kata tertutup.

Contohnya:

kota	-	كوتا
foto	-	فوتو
jodoh	-	جودوه
bomba	-	بومبا
tonton	-	تونتون

4. Vokal /u/

- a. Dilambangkan oleh huruf *alif-wau* < او > jika hadir pada awal perkataan.

Contohnya:

ubat	-	اوبت
udara	-	اودارا
unit	-	اونيت
universiti	-	اونيوزسيتي

- b. Dilambangkan oleh huruf *wau* < و > jika hadir pada suku kata terbuka atau suku kata tertutup.

Contohnya:

buka	–	بوک
cucu	–	چوچو
tumpang	–	تومفغ
tampung	–	تمفوشغ
sumsum	–	سومسوم

Siri ini akan bersambung dalam *Riak Bahasa* Bil. 8, Januari–Jun 2009.

Sebutan Kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu

Haji Salim Haji Latip

BAHASA MELAYU mempunyai banyak perkataan yang sebahagiannya merupakan penyerapan dari bahasa asing. Perkataan-perkataan bahasa asing ini diserap melalui pertuturan atau penulisan bahasa Melayu, dan telah dianggap malahan diterima sebagai bahasa Melayu. Contohnya, perkataan loteng dan cabai dari bahasa Cina, cendera dan kencana dari bahasa Sanskrit, kerusi dan sabun dari bahasa Arab.

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang terawal yang telah dibawa oleh ahli-ahli perniagaan dan pendakwah agama Islam ke Brunei Darussalam. Pada masa dahulu, tulisan Jawi dicipta untuk memudahkan orang Islam membaca kitab suci Al-Quran.

Bentuk-bentuk perlambangan bunyi aksara Arab lazimnya ditandai dengan huruf **dh** (ض), **dz** (ذ), **zh** (ظ) dan **th** (ث). Begitu juga dengan penggunaan tanda wau kerat (◌ْ) bagi ء dan (◌َ) bagi ع. Walau bagaimanapun apabila sistem ejaan Rumi Baru diperkenalkan pada tahun 1984 di negara ini, lambang-lambang huruf Rumi bagi ء dan ع ditiadakan. Begitu juga dengan gugus-gugus konsonan dh, dz, zh, dan th.

Daftar yang berikut menunjukkan peralihan ejaan bagi beberapa perkataan dalam bahasa Melayu.

Sebutan bahasa Arab	Sebutan bahasa Melayu	Contoh Perkataan	
		Ejaan Rumi Lama	Ejaan Rumi Baru
dh (ض)	d	dharab fardhu Ramadhan redha	darab fardu Ramadan reda
dz (ذ)	z	dzalim dzahir lafadz	zalim zahir lafaz
zh (ظ)	z	zhohor zhuhur zhalim zhulmat	zohor zuhur zalim zulmat
th (ث)	s	hadith Ithnin mithal thabit	hadis Isnin misal sabit
hamzah (ء)	} Sama ada dibubuh huruf k atau digugurkan	masa'alah ulama wudu'	masalah ulama wuduk
ain (ع)		da'wah ra'ayat do'a	dakwah rakyat doa

Walaupun perkataan-perkataan ini menerima perubahan abjad seperti dh → d; zh dan dz → z; th → s; dan penguguran ء atau ع dalam bahasa Melayu, namun bunyi sebutan bagi perkataan-perkataan ini tetap sama dan kekal seperti contoh yang berikut:

Perkataan Rumi	Ejaan Jawi	Sebutan
masalah	مسئله	mas-a-lah bukan ma-sa-a-lah
tahniah	تهنيئه	tah-ni-ah bukan tah-ni-yah
isyak	عشاء	'i-sya bukan ai-syak
maghrib	مغرب	magh-rib bukan mag-rib
nikmat	نعمة	ni'-mat bukan nik-mat
doa	دعاء	do-'a' bukan do-a

Oleh itu sesuatu perkataan asing khususnya bahasa Arab yang berkaitan dengan sebutan dalam agama Islam haruslah disebut mengikut bunyi asal bahasa tersebut walaupun telah diserapkan ke dalam bahasa Melayu.

Kesalahan Umum Penggunaan Kata Jamak

Datin Hajah Kamisah Haji Rahmat

KATA JAMAK dikenali sebagai salah satu jenis kata ulang atau kata ganda. Kata ulang jamak digunakan untuk menunjukkan sesuatu kata mempunyai bilangan banyak atau ramai; seperti rumah menjadi rumah-rumah. Walau bagaimanapun ada satu lagi jenis kata ulang yang bukan jamak dipanggil sebagai kata ulang semu. Kata ulang ini mestilah ditulis berulang walaupun tidak membawa erti jamak; seperti orang-orang (patung berupa manusia yang dicacak di sawah untuk menghalau burung memakan padi), labi-labi dan kuda-kuda.

Dalam akhbar, majalah, dan seumpamanya, semakin banyak kesilapan dalam menggunakan kata jamak. Kesilapan ini boleh diperbaiki jikalau kita mengetahui atau memahami kata ulang ini melalui empat jenis kata seperti yang berikut:

1. Kata nama yang diulang, misalnya meja menjadi meja-meja, guru menjadi guru-guru. Jika kita menulis **meja-meja** atau **guru-guru**, tidak perlulah menulis banyak **meja-meja** atau ramai **guru-guru**.

Contoh ayat:

1. **Banyak meja** dijual di kedai itu.
atau, **Meja-meja** dijual di kedai itu.
bukannya, ***Banyak meja-meja** dijual di kedai itu.
2. **Ramai guru** menghadiri Pesta Sukan.
atau, **Guru-guru** menghadiri Pesta Sukan.
bukannya, ***Ramai guru-guru** menghadiri Pesta Sukan.

2. Kata jamak digunakan dalam kata bilangan. Ada lima jenis kata bilangan yang menunjukkan jamak dalam ayat:
- a. Kata bilangan tentu, seperti satu, tiga, tujuh, dua puluh, dan lapan ribu.

Contoh ayat:

1. *Dua buah rumah dijilat api.*

bukannya, * **Dua buah rumah-rumah** dijilat api.

Kata **dua** sudah dapat memenuhi fungsi kata jamak bagi **rumah**, tidak perlu kata **rumah** diulangi. Selanjutnya, contoh yang lain:

2. *Berpuluh-puluh murid sekolah melawat pameran itu.*

bukannya, a. * **Berpuluh-puluh murid-murid** sekolah melawat pameran itu.

b. * **Puluhan murid** sekolah melawat pameran itu.

Kata **puluhan** bererti bilangan sepuluh seperti dalam ayat, Penyair tahun enam **puluhan** tidak sehebat tahun empat **puluhan**.

3. *Sebanyak dua puluh mesin jenis automatik telah dibeli.*

bukannya, * Sebanyak **dua puluh mesin-mesin** jenis automatik telah dibeli.

- b. Kata bilangan tidak tentu, seperti beberapa, berbagai-bagai, pelbagai, para, sebahagian, sebilangan, semua, segala, sekalian, setengah-setengah.

Contoh ayat:

1. *Semua maklumat telah diperolehi oleh pihak polis.*
bukannya, * **Semua maklumat-maklumat** telah diperolehi oleh pihak polis.
2. *Berbagai-bagai pertunjukan sedang diadakan.*
atau, *Pelbagai pertunjukan sedang diadakan.*
bukannya, * **Berbagai pertunjukan** sedang diadakan.

Kata bilangan tidak tentu yang kerap disalahgunakan ialah **para**. Misalnya:

3. *Para peserta diminta melaporkan diri.*
bukannya, a. * **Para peserta-peserta** diminta melaporkan diri.
b. * **Para-para peserta** diminta melaporkan diri.

Kata **para** bererti semua dan **para-para** bererti rak. Oleh itu **para-para** tidak boleh digunakan dalam ayat ini kerana membawa maksud lain.

Begitulah juga **para peserta-peserta**, tidak perlu diulang **peserta-peserta** sebab **para** sudah menunjukkan fungsi kolektif kata jamak (banyak/semua) bagi **peserta**.

Satu keanehan tentang penggunaan kata jamak **para** dapat dilihat pada beberapa kata dalam bahasa Melayu yang sebenarnya berasal daripada bahasa Arab seperti kata dasar **hadir** dan **hadirah**. Dalam bahasa Arab, **hadir** adalah kata tunggal bagi lelaki, dan **hadirah hadirat** (kaum perempuan). Tetapi dalam bahasa Melayu, kata-kata ini digunakan dengan gaya tersendiri. **Hadir** bererti datang, **hadirin** dan **hadirat** bererti kaum lelaki dan perempuan yang datang/dijemput. Kata **hadirin** dan **hadirat** yang sudah berfungsi jamak diperjamakkan dengan membubuh kata bilangan tidak tentu **para**.

Contohnya:

4. ***Hadirin dan hadirat dipersilakan duduk.***
bukannya, * **Para hadirin dan hadirat** dipersilakan duduk.

Penggunaan kata jamak selanjutnya akan disambung pada keluaran akan datang.

Antara Malu, Galat, Awar, dan Sipu-Sipu

Hajah Saddiah Ramli

APABILA DISEBUT sahaja **malu** maka secara spontan awda yang akan mendengar kata tersebut akan tahu dan faham kata sifat yang dimaksudkan. Menurut pengertian yang diberikan dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, **malu** ialah “enggan melakukan sesuatu kerana ada rasa hormat, agak takut, rendah diri dan sebagainya; segan” (2003:1702).

Daripada kata **malu** terbentuk kata ganda *malu-malu*, yang bermakna sangat malu; berasa malu. Biasanya apabila seseorang itu berpura-pura malu terbentuklah kiasan malu-malu kucing. Jikalau seseorang itu malu sedikit dikiaskan *malu-malu asam*. Kiasan lain yang ada kaitannya dengan *malu-malu* ialah *malu-malu bahasa*. Kiasan ini biasanya ditujukan kepada seseorang yang berasa segan atau malu sewaktu hendak berhadapan dengan orang yang dihormati dan sebagainya.

Contoh ayat:

- a. *Dengan sikapnya yang **malu-malu bahasa** itu Muhamad Ali menyatakan maksudnya dalam bahasa yang lembut kepada ketuanya.*
- b. *Dewani **malu-malu kucing** apabila dijemput untuk makan bersama dengan kawannya.*
- c. *Walaupun sudah sebulan belajar di sekolah itu, Farah masih **malu-malu asam** dengan kawan-kawan sekelasnya.*

Sinonim bermaksud kata yang sama atau hampir sama maknanya dengan kata yang lain. Kata dalam bahasa Melayu Brunei yang bersinonim dengan kata **malu** ialah kata galat. Menurut pengertian yang diberikan dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, *galat* ialah segan-silu kerana rasa hormat, tidak biasa, berasa rendah diri, dan sebagainya; malu. Kosa kata bahasa Melayu Brunei yang mempunyai makna **malu** dan segan dalam kamus yang sama ialah kata *awar* dan *sipu-sipu*.

Contoh ayat:

- a. Azmil **galat** hendak mengemukakan pertanyaan kepada Ustazah Aminah.
- b. Murid itu berasa **awar** untuk menemui gurunya.
- c. Aminah tersenyum **sipu-sipu**, apabila teman lelakinya memuji tentang kecantikannya.

Perkataan **galat** juga berhomonim dengan kata **galat** dalam bahasa Melayu yang membawa pengertian salah, cacat, keliru, tidak betul (*Kamus Bahasa Melayu Nusantara* 2003:746).

Contoh ayat:

- a. Sikap sesetengah masyarakat yang **galat** mengenai pergaulan pemuda pemudi sangat dikesalkan.
- b. Kita harus tahu membezakan antara yang **galat** dengan yang benar.
- c. Apa **galatnya** kalau kita menjemput Bunga Citra Lestari dan apa buruknya kalau kita menjemput Rima Suhadah ke majlis perkahwinanmu nanti.

Maksud galat dalam ayat (a) ialah keliru, ayat (b) salah, manakala ayat (c) ialah cacat.

Rujukan

Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam, 2003. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Malaysia: H.I. Holding Sdn. Bhd.

Penyingkatan Kata

Dayangku Hajah Rosenani Pengiran Haji Halus

PENYINGKATAN KATA ialah singkatan teratur secara memendekkan kata yang menjadi unsurnya. Singkatannya diambil dari huruf pertama pada setiap unsur. Makna singkatan harus dicari dari unsur yang membentuk singkatan iaitu kepanjangan singkatan itu.

Contohnya:

ABDB ialah singkatan dari Angkatan **B**ersenjata **D**iraja **B**runei

UBD ialah singkatan dari **U**niversiti **B**runei **D**arussalam

DBP ialah singkatan dari **D**ewan **B**ahasa dan **P**ustaka

JKR ialah singkatan dari **J**abatan **K**erja **R**aya

JPE ialah singkatan **J**abatan **P**erkhidmatan **E**lektrik

TPOR ialah singkatan **T**ekad **P**emedulian **O**rang **R**amai

Ia merupakan nama organisasi, perbadanan, lembaga, dan nama-nama khas yang seumpamanya, sama ada ia berbentuk akronim atau tidak.

Penyingkatan ini juga boleh didapati dalam pelbagai bidang ilmu istilah, seperti *Istilah Kejuruteraan Kapal Terbang: Teknik dan Proses*, misalnya *acceptance check flight* (ACF) diberi padanan dalam bahasa Melayu, penerbangan, pemeriksaan, terima. **Istilah Teknologi Maklumat: Teknologi Maklumat dalam Masyarakat Pengurusan Aplikasi**, misalnya *read only memory* (ROM) diberi padanan dalam bahasa Melayu ingatan baca sahaja (ROM), *compact disk read only memory* (CD-ROM) diberi padanan dalam bahasa Melayu sebagai cakera padat ingatan baca sahaja (CD-ROM), *digital video disk* (DVD) dipadankan dalam bahasa Melayu sebagai cakera video digital (DVD).

Akan tetapi singkatan bagi gelaran, jawatan, dan sapaan haruslah menggunakan tanda titik.

Contoh:

Y.A.M. – Yang Amat Mulia
P.O.K. – Pehin Orang Kaya
S.U.T. – Setiausaha Tetap
s.a.w. – Salallahu alaihi wasallam
r.a. – radiallahu anhu

Dalam hal ini, beberapa singkatan umum atau nama khas untuk menunjukkan lambang atau simbol tidak menggunakan tanda titik.

Contoh:

in untuk inci
kg untuk kilogram
cm untuk sentimeter
lb untuk paun

Rujukan

- A.S. Hornby, 2000. *Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002. *Istilah Teknologi Maklumat: Teknologi Maklumat dalam Masyarakat Pengurusan Aplikasi*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004. *Istilah Kejuruteraan Kapal Terbang: Teknik dan Proses*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Heteronim dan Homogram

Hajah Zainab Haji Mat Daud

BANYAK PERKATAAN atau istilah dalam bahasa Melayu mempunyai kata dasar yang sama ejaannya tetapi mempunyai erti atau sebutan yang berlainan. Dalam istilah linguistik, perkataan yang sama ejaannya dengan perkataan lain tetapi berbeza maknanya dan sebutannya dipanggil sebagai **heteronim**. Contoh perkataan ialah **semak** /səmak/ dan **semak** /sémak/. Semak /səmak/ bermaksud belukar, iaitu keadaan dalam hutan atau tanah lapang yang ditumbuhi oleh tumbuh-tumbuhan yang kecil-kecil dan rendah, dan keadaan ruangan yang tidak terurus.

- Contoh ayat: a. *Rumah kosong itu telah dipenuhi dengan **semak**.*
b. *Bilik Ahmad kelihatan **semak** kerana tidak berkemas.*

Semak /sémak/ pula jika diberi imbuhan menjadi **menyemak**, yang bermaksud mengkaji, meneliti atau memeriksa, selalunya berkenaan dengan kerja-kerja penulisan. Perhatikan ayat berikut:

- a. *Zaki rajin **menyemak** buku latihan muridnya.*
b. *Cikgu berkata, “Sila **semak** pelajaran kamu.”*

Satu lagi contoh perkataan berheteronim ialah **perang**. **Perang** /pərang/ bermakna perkelahian, perjuangan dan pertempuran. Manakala **perang** /pérang/ ialah warna merah yang kehitam-hitaman (kekuning-kuningan), selalunya merujuk kepada rambut. Bezakan contoh ayat ini:

*Askar yang berambut **perang** /pérang/ itu pergi **berperang** /pərang/.*

Di samping itu, ada juga perkataan atau istilah yang sama bentuk ejaan dan bunyinya tetapi berlainan asal usulnya. Perkataan atau istilah bagi konsep ini dipanggil **homogram**. Di halaman sebelah diberikan tiga contoh homogram yang disepakati dalam mesyuarat tiga buah negara, MABBIM.

Istilah Sumber	Brunei Darussalam	Malaysia	Indonesia
banci	<p>a. Perasaan yang tidak senang pada seseorang ('benci' dalam bahasa standard)</p> <p>b. Perhitungan (bilangan penduduk)</p>	Perhitungan (bilangan penduduk)	Pondan, iaitu lelaki yang berkelakuan seperti perempuan atau sebaliknya.
jemput	<p>a. Mengajak, menyilakan datang, mengundang</p> <p>b. Mengambil atau makan sedikit (makanan yang diambil dengan hujung jari)</p>	Mengajak, menyilakan datang atau mengundang	Diundang atau disambut
pacar	Inai	<p>a. Inai</p> <p>b. Sejenis tumbuhan herba</p>	Kekasih

Pegaga

Dayangku Sainah Pengiran Haji Mohammed

PEGAGA ATAU penggaga adalah sejenis tumbuhan yang hidup *melata*. Nama saintifiknya *Centella asiatica*, berasal dari keluarga *Umbelliferae*. Terdapat juga satu lagi spesies yang dikenali sebagai *Hydrocotyle asiatica*.

Pegaga tumbuh dengan mudah melalui keratan batang yang berakar di kawasan tropika yang bertanah lembap atau tanah gembur berpasir. Pegaga adalah sejenis umbi dan rizomatos yang menjalar, berdaun kecil, tersisip rapat bulat dan leper serta berwarna hijau keungu-unguan, bertangkai lembut dan mengandungi air, dan tidak berbatang. Oleh itu ia mudah patah.

Pegaga mempunyai banyak keistimewaan. Tumbuhan ini boleh dimakan sama ada dimasak sebagai sayuran atau dimakan mentah sebagai ulam, dan boleh juga dibuat jus sebagai minuman, iaitu dengan cara meminum air rebusan daunnya. Khasiat daun pegaga juga digunakan untuk mencegah dan menyembuhkan pelbagai penyakit, seperti jangkitan batu karang pada saluran air kencing dan boleh mengurangkan tekanan darah tinggi, kencing manis dan sebagainya. Jika dimakan berterusan sebagai ulam ia boleh melambatkan proses penuaan.

Pada Sidang Ke-21 Pakar Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), pada bulan September 2007 di Bali, Indonesia, telah membincangkan istilah-istilah herba dan perubatan tradisional. Salah satu istilah yang disepakati ialah pegaga atau penggaga. Ketiga-tiga negara nampaknya mempunyai ejaan yang agak berbeza bagi pegaga seperti catatan yang berikut.

Sumber	Brunei Darussalam	Indonesia	Malaysia
<i>Centella asiatica</i>	penggaga	pegagan	pegaga

Pentingnya pegaga sebagai ubat tradisional dalam kalangan masyarakat masih disedari walaupun perubatan moden telah berkembang maju dalam menangani masalah penyakit. Pakar-pakar perubatan juga telah mengalih pandangan kepada sumber alami seperti tumbuhan liar di hutan untuk dikaji selidik bagi menyembuhkan pelbagai penyakit dan sebagainya.

Rujukan

- A. S. Hornby, 2000. *Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lancip dan Tirus

Hajah Roselinawati Haji Mumin

LANCIP DAN tirus ialah kata sifat yang menerangkan keadaan bentuk sesuatu benda yang runcing, dan mempunyai hujung atau mata yang tajam, misalnya mata lembing dan mata keris. Lancip dan tirus juga dikaitkan dengan benda yang keras dan boleh melukakan, misalnya bentuk gigi taring yang digunakan untuk menyiat-nyiat daging dan sebagainya.

Lancip dan tirus dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* m.s. 1517 menyatakan bahawa lancip ialah makin kecil ke hujung tirus, runcing; tajam. Manakala tirus dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* m.s. 2857 ialah makin ke hujung makin kecil; lancip; runcing.

Contoh ayatnya:

*Keris yang dimilikinya itu mempunyai mata yang **lancip** dan **tirus**.*

Dalam istilah pergigian perkataan lancip dan tirus digunakan untuk padanan bagi perkataan Inggeris *taper*. *Taper* sering dikaitkan dengan pembentukan korona gigi palsu sama ada pada gigi atas atau gigi bawah, *taper* amat penting untuk menyusun dan membentuk gigi.

Selain daripada perkataan lancip dan tirus bersinonim, tesaurus lengkap tentang perkataan ini disenaraikan daripada pelbagai kamus, seperti yang berikut:

Perkataan	Keterangan
cerucup	berbentuk seperti kerucut; lancip; runcing; tajam. Contoh ayat: <i>Hujung mata pisau itu kecil dan cerucup.</i>
genting	1. kecil (nipis, sempit) pada bahagian tengah; 2. hampir putus (tentang tali dan sebagainya) 3. berbahaya (mungkin akan pecah perang dll); runcing; tegang; sangat teruk (tentang penyakit, dan lain-lain); tenat; kritis. Contoh ayat: <i>Di hujung kampung itu ada sebatang jalan yang genting menuju ke hujung bukit.</i>
gonjong	1. tirus (lancip) ke hujung atau ke puncak (seperti bentuk bumbung rumah), makin ke hujung makin lancip (seperti bentuk rebung); runcing; 2. bersudut lancip (pada pinggir sesuatu). Contoh ayat: <i>Ali memasang kawah astro itu di atas gonjong bumbung atap rumahnya.</i>
jirus	makin ke hujung makin kecil; runcing; tirus.
limas	tirus atau merunjung ke atas seperti bentuk piramid (tentang atap rumah, bangunan, dan sebagainya). Contoh ayat: <i>Bentuk atap rumah banglo itu limas seperti bentuk piramid.</i>
loncos	1. semakin ke hujung semakin tirus seperti bentuk kerucut; lancip; runcing; Contoh ayat: <i>Garis seluar panjang yang dipakai oleh Matin sangat runcing dan loncos.</i>

lonjong	1. makin ke atas makin runcing seperti bentuk kerucut (tentang bentuk rumah, atap, dan sebagainya); runjung. Contoh ayat: <i>Songkok yang dipakai oleh Aiman terlalu tinggi dan lonjong.</i>
luncit	runcing (dalam bahasa Melayu Brunei) lancip. Contoh ayat: <i>Budak itu menajami penselnya hingga luncit.</i>
luncung	1. muncung (tikus dan sebagainya); moncong; 2. berbentuk tirus, tetapi pepat pada hujungnya; lancip. Contoh ayat: <i>Tikus belanda itu mempunyai mulut yang luncung.</i>
mancung	1. makin ke hujung makin kecil; lancip; runcing. Contoh ayat: <i>Asme mempunyai hidung yang mancung.</i>
rancap	tajam sekali (tentang senjata); runcing; rancung. Contoh ayat: <i>Senjata yang diperbuat daripada buluh itu rancap.</i>
rancung	runcing dan tajam (seperti pensel dan kalam); berhujung lancip. Contoh ayat: <i>Ani mewarna lukisan itu dengan menggunakan pensel warna yang rancung.</i>
runcing	1. lancip ke hujung; berhujung tajam (lancip) 2. (semakin) genting atau memuncak (tentang perselisihan, keadaan). Contoh ayat: <i>Pertentangan antara parti-parti politik bertambah runcing.</i>

runjung	1. berbentuk seperti kerucut; 2. kelongsong berbentuk kerucut. Contoh ayat: <i>Api yang menyala pada hujung sumbu lilin itu semakin runjung.</i>
sirung	Dalam bahasa Melayu Brunei, tirus atau lancip ke hujung. Contoh ayat: <i>Potongan kain itu sirung sedikit kerana tidak mencukupi panjangnya.</i>
tuding	1. miring arah ke bawah (tentang menikam, menombak, dsb); senget; 2. tajam dan lancip (tentang mata pisau, mata pahat, mata pedang, dan sebagainya); runcing. Contoh ayat: <i>Emak memotong daging dengan menggunakan pisau yang besar dan hujungnya tuding.</i>

Contoh-contoh ini menunjukkan bahawa perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu masih banyak dan kaya untuk digunakan dalam membina ayat dan mencipta istilah dalam bahasa Melayu.

Rujukan

Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985. *Kamus Dwibahasa, Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay Dictionary, 2000. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Istilah Pergigian Prostodontik, akan terbit.

Cenderamata atau Cenderahati

Khartini Mohd. Hamir

DALAM *KAMUS Bahasa Melayu Nusantara*, *cendera* terbahagi kepada 4 homonim iaitu, pertama sejenis tumbuhan pokok kecil; balung hijau; *Epiprinus malayanus*. Kedua, ia bermakna lena tentang tidur; nyenyak; jendera, ketiga bererti bulan, dan keempat bererti dewa atau setengah dewa.

Kata *cendera* telah digunakan dalam kesusasteraan lama seperti yang terdapat dalam Hikayat Hang Tuah, Hikayat Bayan Budiman, Syair Yatim Mustafa, dan Hikayat Inderaputera. Perkataan *cendera* yang bermakna lena atau nyenyak digunakan dalam Hikayat Hang Tuah, Hikayat Bayan Budiman, dan Syair Yatim Mustafa. Contohnya:

Baginda sedang tidur dengan cendera. Maka raja pun tidurlah di ribaan Hang Jebat terlalu sangat cenderanya.

Cendera yang bererti bulan dan dewa terdapat dalam Hikayat Inderaputera; seperti ayat: *Mambang dewa, cendera, dan indera....*

Selain *cendera* digunakan sebagai kata tunggal, ia juga boleh dimajmukkan dengan kata seperti mulia, rasa, sari, suri, dan wasih yang menjadi sebagai *cenderamulia* dan *cenderasuri* iaitu sejenis tumbuhan pokok, *cenderasa* sejenis pedang yang sakti yang memiliki kemampuan, *cenderasari* dan *cenderawasih* sejenis burung yang termasuk dalam famili *Paradisidae*, warna bulunya cantik, dan ekornya panjang, terdapat di Irian dan dikenali juga sebagai burung dewata atau inderawasih.

Kamus Dewan Edisi Ketiga dan *Keempat* mencatatkan tiga kata majmuk yang seerti dengan *cendera* iaitu *cenderadurja* sebagai cenderamata, begitu juga *cenderahati* sebagai cenderamata. Cenderamata adalah sesuatu yang diberikan kepada orang lain sebagai tanda ingatan, cenderadurja, cenderahati, dan tanda mata. Ia juga dilambang-kan sebagai kekasih, buah hati atau jantung hati.

Pada masa kini sering kita mendengar tentang penggunaan kata *cenderamata* dan *cenderahati* digunakan pada majlis tertentu, terutama pada setiap acara penyampaian hadiah, tanda penghargaan dan sebagainya kepada tetamu kehormat, para peserta, atau pemenang. Persoalannya sekarang ialah yang mana satukah yang lebih tepat digunakan menurut kaedah dan peraturan bahasa Melayu? Di sini saya telah merujuk beberapa artikel yang berbentuk argumentatif bersumber daripada *Pelita Bahasa*, iaitu hasil tulisan Rizuan Atan, Farid Ahmad dan Asiah Idris dan beberapa sumber lain.

Jika kita perhatikan takrifan-takrifan dari kamus-kamus tertentu, ternyata kata *cenderamata* lebih kerap penggunaannya. Maksudnya kata *cenderamata* lebih cenderung digunakan daripada *cenderahati* berdasarkan kepada catatan yang terdapat dalam beberapa kamus. Kata *cenderamata* mungkin telah lama digunakan dalam sastera lama, maka penggunaannya telah mantap.

Kata *cendera* mungkin dimaksudkan sebagai simbol yang melambangkan rasa syukur, indah, menawan, ajaib, ikhlas dan sebagainya. *Mata* yang melambangkan ketulusan, keikhlasan, keluhuran, kebenaran, keyakinan dan sebagainya oleh si pemberi.

Berdasarkan artikel *Rizuan Atan*, di dalam jurnal *Pelita Bahasa*, Mei 1993; Jilid 5 Bil. 5, beliau tidak bersetuju dengan pencetusan kata-kata baru yang 'dikaitkan' dengan kata lama, tanpa mengkaji terlebih dahulu etimologi lexis sesuatu bahasa itu dan bukan sekadar cuba untuk memperbaiki kata atau istilah yang sudah baku dalam kelompok masyarakat. Ini bertujuan untuk mengelak dari kekeliruan para pengguna dan pengkaji bahasa. Menurut beliau kata *cenderamata* itu sudah sekian lama diterima oleh masyarakat kerana konsepnya yang mudah, atau senang difahami dan menepati kaedah pembentukan istilah.

Menurut *Asiah Idris*, di dalam jurnal *Pelita Bahasa*, September 1994; Jilid 6 Bil. 9, *cenderahati* yang ditimbulkan oleh Allahyarham Pak Sako, mengaitkannya dengan budaya Barat dan Melayu. Beliau tidak bersetuju dengan pendapat itu kerana tidak wajar mengubah suai sesuatu bentuk kata itu hanya kerana hendak memperlihatkan perbezaan antara budaya Melayu dengan budaya Barat, yang selama ini memang tidak akan serupa.

Farid Ahmad pula menulis di dalam *Pelita Bahasa*, Ogos 1993; Jilid 5 Bil. 8, beranggapan tidak salah menggunakan kata *cenderamata* dan *cenderahati* sekali gus, kerana kata-kata itu telah lama dipraktikkan oleh pengguna bahasa meskipun etimologi kata-kata tersebut tidak diketahui. Menurut beliau perkembangan bahasa tidak seharusnya disekat malahan wajar diterima untuk menambahkan kata-kata baharu atau memperkaya kosa kata, dan seterusnya dapat diterapkan dalam kamus dari semasa ke semasa. Para pakar bahasa harus memberi ruang untuk kata *cenderahati* digunakan kerana sifatnya yang terbit dari pemberian hati yang ikhlas.

Pada masa ini, kata *cenderahati* lebih digunakan dalam keadaan yang tidak formal dan bersahaja. *Cenderahati* belum wujud sebagai istilah kerana menurut para pakar bahasa dari Khidmat Bahasa DBP, Kuala Lumpur, Malaysia, kata *cenderahati* itu dirujuk kepada *cenderamata*.

Kampung Air

Mauludiah Haji Md. Yusuf

DALAM BUKU *Pedoman Umum Ejaan Rumi Bahasa Melayu* terdapat sebanyak 26 huruf abjad tulisan yang telah digunakan dalam tulisan Rumi Bahasa Melayu. Lima daripadanya dinamakan huruf saksi iaitu huruf-huruf yang melambangkan bunyi vokal a, e, i, o dan u. Huruf-huruf vokal tersebut dipakai dalam perkataan sama ada di depan, di tengah atau di belakang suku kata. Contohnya:

Huruf	di depan	di tengah	di belakang
a	api	padi	lusa
e (pepet)	emas	kena	sosialisme
e (taling)	enak	petak	tauge
o	oleh	kota	pidato
u	ulang	tabuni	itu

Selebihnya huruf yang disebutkan di atas, huruf-huruf tersebut dinamakan huruf konsonan. Huruf konsonan ialah b, c, d, e, f.... Huruf ini tidak boleh hadir dengan sendiri tanpa bantuan huruf vokal.

Berpandukan kepada pola keselarasan huruf vokal bahasa Melayu, ada 18 pola yang perlu menerima perubahan daripada ejaan lama kepada ejaan baru. Salah satu daripadanya ialah pola a – o dan a – u. Contohnya seperti perkataan berikut:

Ejaan Lama		Ejaan Baru
batuk	—>	batuk
kalong	—>	kalung
sarong	—>	sarung
kampong	—>	kampung

Antara banyak-banyak perkataan yang telah berubah, perkataan **kampung** masih keliru dieja oleh sebahagian pengguna dan pelajar bahasa Melayu, terutama ejaan kampung yang ada kaitannya dengan *kampung air*.

Beberapa contoh penulisan yang salah mengenai penggunaan kata nama tersebut dipetik seperti yang berikut:

- | | |
|--------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| kampung ayer | (Kedua-dua perkataan dalam ejaan lama dan menggunakan huruf kecil) |
| Kampung Ayer | (Kedua-dua perkataan dalam ejaan lama, dan menggunakan huruf besar pada permulaan kata) |
| Kampung Ayer | (Kedua-dua perkataan menggunakan huruf besar. Ejaan kampung dieja betul tetapi perkataan Ayer dieja lama) |
| Kampung Air | (Kedua-dua perkataan menggunakan huruf besar. Ejaan Kampung dieja lama) |

Apakah yang menjadi penyebab ketidakselarasan pola pada perkataan ini? Salah satunya ialah kepekaan terhadap penggunaan sistem ejaan Rumi. Seperti yang dijelaskan di atas, perkataan kampung air tidak terkecuali daripada menerima perubahan keselarasan huruf vokal.

Memandangkan konsep penempatan kampung air sudah berabad-abad lamanya, sukar bagi kita untuk menerima perkataan tersebut bukanlah nama khas. Ia hanya sekadar sekumpulan kampung yang terkandung di dalamnya.

Dari segi bahasa perkataan *kampung* dan *air* merupakan kata nama umum yang dirangkaikan untuk merujuk kepada kawasan perkampungan atau penempatan yang terletak di atas air. Perkampungan yang dimaksudkan itu adalah seperti Kampung Saba, Kampung Peramu, Kampung Tamoi, dan Kampung Burong Pingai Air.

Menyedari tentang penggunaan nama-nama yang terdapat dalam kampung air maka sudah sewajarnya nama-nama tersebut diperkenalkan sesuai dengan sejarahnya.

Kesimpulannya, penggunaan perkataan kampung air tidak harus dijadikan kata nama khas.

Mari Belajar Bahasa Arab

Hardi Mahdeli

SALAH SATU bidang ilmu pengetahuan yang perlu kita pelajari ialah mendalami bahasa Arab. Bahasa Arab dikatakan bahasa Al-Quran kerana tulisannya adalah tulisan Al-Quran. Firman Allah subhanahu wa taala dalam surah Yusuf, Juz ke-12; Ayat ke-2, yang kira-kira bermaksud, “*Sesungguhnya kami menurunkannya berupa Al-Quran dengan berbahasa Arab, agar kamu memahaminya.*” Jika kita mempelajari bahasa Arab, kita boleh memahami dan boleh bertutur dalam bahasa tersebut. Ini merupakan satu kelebihan untuk memahami isi kandungan Al-Quran.

Berikut dikenalkan beberapa kalimah yang digunakan sehari-hari untuk kita bersapa.

1. A: Selamat pagi.

صَبَاحُ الْخَيْرِ

-
- B: Selamat pagi.

صَبَاحُ النُّورِ

2. A: Selamat petang.

مَسَاءُ الْخَيْرِ

-
- B: Selamat petang.

مَسَاءُ النُّورِ

3. A: Selamat malam.

لَيْلُ الْخَيْرِ

B: Selamat malam.

لَيْلُ النُّورِ

4. A: Apa khabar?

كَيْفَ حَالُكَ؟ atau كَيْفَ حَالُكَ؟

B: Khabar baik.

حَالِي طَيِّبٌ / الْحَمْدُ لِلَّهِ بِخَيْرٍ

5. A: Siapa nama awak?

مَا اسْمُكَ؟ atau مَا اسْمُكَ؟

B: Nama saya, Awang.

اسْمِي أَوْأَغ

6. A: Di mana awak tinggal?

أَيْنَ تَسْكُنِينَ؟ atau أَيْنَ تَسْكُنُ؟

B: Saya tinggal di kampung air.

أَسْكُنُ فِي كَامْقَوْغِ أِيرِ

7. A: Berapa umur awak?

كَمْ عُمْرُكَ؟ atau كَمْ عُمْرُكَ؟

B: Umur saya 18 tahun.

عُمْرِي ثَمَانِيَةَ عَشْرٍ سَنَوَاتٍ

8. A: Di mana awak bekerja?

أَيْنَ تَعْمَلِينَ ؟ atau أَيْنَ تَعْمَلُ ؟

B: Saya bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka.

أَعْمَلُ فِي إِدَارَةِ الدِّيْوَانِ اللُّغَوِيَّةِ وَالْمَكْتَبَةِ / وَالْأَدَبِيَّةِ

9. A: Terima kasih banyak.

شُكْرًا كَثِيرًا / شُكْرًا جَزِيلًا

B: Terima kasih kembali/sama-sama.

عَفْوًا

10. A/B: Jumpa lagi.

إِلَى اللِّقَاءِ، إِنْشَاءَ اللَّهِ / مَعَ السَّلَامَةِ

Padanan Istilah Bahasa Melayu Brunei

Mauludiah Haji Md. Yusof

NEGARA BRUNEI Darussalam dengan rasminya menjadi anggota Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) pada 4 November 1985, iaitu pada Sidang Ke-24 di Jakarta, Indonesia. Dan dengan penyertaan Brunei, MBIM berkembang menjadi MABBIM iaitu Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia. Antara bahan-bahan yang telah dimesyuaratkan ialah istilah-istilah dalam bidang Sains Asas, Sains Gunaan, dan Sains Sosial. Di antara istilah-istilah yang diberi padanan kepada bahasa sumber ialah bahasa Melayu Brunei. Hasil keputusan mesyuarat tersebut disenaraikan seperti berikut:

Istilah *Ekologi* (diputuskan dalam Sidang Ke-26 MABBIM)

Istilah Melayu

kumamba fitoplankton

Istilah Sumber

phtyoplankton bloom

Istilah *Ekinodermata* (diputuskan dalam Sidang Ke-27 MABBIM)

Istilah Melayu

batat/timun/laut

Istilah Sumber

sea-cucumber

Istilah *Fizik Umum*

Istilah Melayu

empalas

pistar

gabus/piabung

biut

biutan prisma

Istilah Sumber

abrasive

align

cork

distort

distortion of a prisma

kecekapan *berinu*
keamatan *berinu*

luminous efficiency
luminous intensity

Istilah Matematik Analisis I

Istilah Melayu

sapar segiempat tepat
sapar selang

Istilah Sumber

partition of a rectangle
partition of an interval

Istilah Kimia Organik

Istilah Melayu

bidul/jelaga

Istilah Sumber

lampblack

Istilah Perbankan dan Institusi Kewangan Bukan Perbankan

Istilah Melayu

karak bank
pengikikan cek
sinta kredit
sinta kadar pembezaan
tabuk diskaun
operasi pengikikan

Istilah Sumber

bank mindedness
cheque kiting
credit ceiling
differential rate ceilings
discount window
kiting operation

Istilah Fitopatologi (diputuskan dalam Sidang Ke-28 MABBIM)

Istilah Melayu

tagar biotip/karat biotip
tagar lepuh/karat lepuh
kuriping biasa
 sistem *tagar* flaks-flaks/
 sistem karat flaks-flaks
tagar fusiform/karat fusiform
piabung antara anak buah/
 gabus antara anak buah
 agen pucuk bergugus *kapayas*

Istilah Sumber

biotype rust
blister rust
common scab
flax-flax rust system
fusiform rust
interfruitlet corking
papaya bunchy top agent

Istilah Alat dan Peralatan Biologi**Istilah Melayu**

pengirah pipet automatik
piabung/gabus
 ujian *anak damit* arnab

Istilah Sumber

automatic pipette rinser
cork
infant rabbit test

Istilah Mekanik Kuantum**Istilah Melayu**

cas lagas

Istilah Sumber

bare charge

Perkataan bahasa Melayu Brunei yang telah diberikan padanannya ialah *anak damit*, *batat*, *berinu*, *bidu*, *biut*, *empalas*, *kapayas*, *karak*, *kumamba*, *kuriping*, *lagas*, *pengirah*, *piabung*, *pistar*, *sapar*, *sinta*, *tabuk*, *tagar*.

Borang Cadangan

Nama:

Alamat Sekolah/Pejabat/Rumah:

.....

.....

No. Tel. Bimbit: No. Tel. Sekolah/Pejabat:

Alamat e-mel:

Sila kemukakan sebarang usul dan pandangan awda:

.....

.....

.....

.....

Alamatkan kepada:

Ketua Editor **Riak Bahasa**
Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

Tel.: 2380472 (Faksimile)
2382511 sambungan 127, 128, 130, 155, 158

atau e-mel: kb_bahasa@brunet.bn



